



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

KETETAPAN UMUM

**CUKAI YANG DITANGGUNG
OLEH MAJIKAN**

KETETAPAN UMUM NO. 2/2006

TARIKH KELUARAN: 17 JANUARI 2006



KANDUNGAN

	Muka surat
1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Cukai Pendapatan Pekerja Yang Ditanggung Oleh Majikan	2
4. Layanan Cukai Terhadap Cukai Pendapatan Yang Ditanggung Oleh Majikan	2
- Pengiraan perkuisit berhubung dengan cukai pendapatan yang ditanggung oleh majikan	2
- Pengiraan perkuisit apabila terdapat taksiran tambahan	4
- Pengiraan perkuisit apabila terdapat taksiran kurangan	5
- Pengiraan perkuisit dalam kes majikan bersetuju membayar hanya sebahagian daripada tanggungan cukai pekerja	7
- Pengiraan perkuisit dalam kes pekerja gagal atau tidak mengemukakan Borang Nyata	9
- Pengiraan perkuisit dalam kes "leaver"	9
5. Potongan Cukai Berjadual (PCB)	15
6. Tarikh kuatkuasa	15

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**



CUKAI YANG DITANGGUNG OLEH MAJIKAN

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2006
Tarikh Keluaran: 17 Januari 2006**

1. Ketetapan ini menerangkan:
 - i. pengiraan perkuisit berhubung dengan cukai pendapatan pekerja yang ditanggung oleh majikan; dan
 - ii. pengiraan cukai yang kena dibayar oleh pekerja yang menikmati perkuisit ini.
2. Peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) berhubung dengan Ketetapan ini adalah seksyen 2, 7, 13, 25, 83, subseksyen 112(3), seksyen 131 dan Bahagian 1, Jadual 1.
3. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 “Bermastautin”, bagi suatu tahun asas untuk suatu tahun taksiran berhubung dengan pekerja, adalah bermastautin di Malaysia seperti mana yang ditentukan di bawah seksyen 7 ACP.
 - 3.2 “Individu” bermaksud orang biasa.
 - 3.3 “Majikan”, berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud -
 - a. tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - b. jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
 - 3.4 “Pekerja”, berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud -
 - a. orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - b. jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah pemegang perlantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.
 - 3.5 “Pembayaran ganti” (*reimbursement*), berhubung mana-mana perkuisit yang diterima oleh pekerja, bermaksud pembayaran yang dilakukan oleh pekerja yang mana kemudiannya dibayar ganti oleh majikan.
 - 3.6 “Penggajian” bermaksud -
 - a. penggajian, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - b. mana-mana perlantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.

- 3.7 “Perkuisit”, berhubung dengan suatu penggajian, bermakna manfaat dalam bentuk tunai atau barangan yang boleh ditukar kepada wang yang diterima oleh pekerja daripada majikan atau pihak ketiga berkaitan dengan mempunyai atau menjalankan penggajian.
- 3.8 “Tahun asas”, berhubung dengan suatu tahun taksiran bagi punca pendapatan penggajian adalah tempoh asasnya bagi tahun taksiran tersebut.
- 3.9 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.10 “Tempoh asas”, berhubung dengan pendapatan kasar daripada penggajian, adalah seperti mana yang ditentukan di bawah seksyen 25 ACP.
- 3.11 “Tidak bermastautin”, bagi suatu tahun asas untuk suatu tahun taksiran berhubung dengan pekerja, adalah pekerja yang selain daripada pekerja yang bermastautin.

4. Cukai Pendapatan Pekerja Yang Ditanggung Oleh Majikan - Satu Perkuisit Kepada Pekerja

Cukai pendapatan adalah tanggungan kewangan peribadi pekerja. Apabila tanggungan cukai pendapatan seseorang pekerja itu dibayar oleh majikannya, secara tepat manfaat ini tergolong dalam definisi “perkuisit” dan ianya adalah pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.

5. Layanan Cukai Terhadap Cukai Pendapatan Pekerja Yang Ditanggung Oleh Majikan

Persetujuan oleh majikan untuk membayar cukai pendapatan pekerja tidak melepaskan pekerja itu daripada membayar cukai ke atas amaun cukai pendapatan yang ditanggung oleh majikan tersebut. Layanan cukai terhadap cukai pendapatan pekerja yang ditanggung oleh majikan adalah seperti berikut:

5.1 Pengiraan perkuisit berhubung dengan cukai pendapatan yang ditanggung oleh majikan

Cukai pendapatan pekerja yang ditanggung oleh majikannya bagi suatu tahun asas untuk suatu tahun taksiran akan diambil kira sebagai pendapatan pekerja dalam tahun asas apabila cukai untuk tahun taksiran tersebut dapat ditentukan dengan sebenarnya, iaitu dalam tahun asas yang berikutnya. Oleh yang demikian, seorang pekerja tidak akan dikenakan cukai ke atas manfaat ini dalam tahun asas di mana penggajian beliau baru bermula kerana manfaat tersebut hanya wujud dalam tahun berikutnya.

Contoh 1

Hendrik, seorang warganegara Sweden yang sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak yang belum bersekolah, tiba di Malaysia pada



CUKAI YANG DITANGGUNG OLEH MAJIKAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 2/2006
Tarikh Keluaran: 17 Januari 2006

25.2.2005 untuk memulakan penggajian beliau pada 1.3.2005. Perjanjian perkhidmatan mensyaratkan perkara berikut:

- 1) perkhidmatan beliau di Malaysia adalah untuk tempoh 3 tahun;
- 2) beliau diberi gaji bulanan sebanyak RM20,000 untuk 10 bulan pertama dan kemudian akan menerima kenaikan tahunan RM12,000 sehingga kontrak penggajian tamat;
- 3) beliau layak menerima bonus bergantung kepada prestasi syarikat; dan
- 4) cukai pendapatan beliau akan ditanggung sepenuhnya oleh majikan.

Pengiraan cukai yang kena dibayar oleh Hendrik untuk tahun-tahun taksiran berkenaan yang ditanggung oleh majikan dikira seperti berikut:

Tahun taksiran 2005	RM	RM
Gaji RM20,000 X 10 (1.3.2005 - 31.12.2005)		200,000
<i>Tolak:</i>		
Potongan diri - seksyen 46 ACP	8,000	
Potongan isteri - seksyen 47 ACP	3,000	
Potongan anak - seksyen 48 ACP	<u>1,000</u>	<u>12,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>188,000</u>
Cukai atas RM150,000 yang pertama		27,975.00
Cukai atas baki RM38,000 yang berikutnya @ 27%		<u>10,260.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar ¹		<u>38,235.00</u>

¹ Cukai yang kena dibayar oleh Hendrik untuk tahun taksiran 2005 berjumlah RM38,235.00 yang ditanggung oleh majikan adalah perkuisit kepada beliau dan akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran 2006, iaitu tahun taksiran dalam mana cukai pendapatan sebenar untuk tahun taksiran 2005 dapat ditentukan.

Tahun taksiran 2006	RM	RM
Gaji RM21,000 X 12 (1.1.2006 - 31.12.2006)		252,000
Cukai tahun taksiran 2005 ditanggung majikan ¹		<u>38,235</u>
Jumlah pendapatan		290,235
<i>Tolak:</i>		
Potongan diri - seksyen 46	8,000	
Potongan isteri - seksyen 47	3,000	
Potongan anak - seksyen 48	<u>1,000</u>	<u>12,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>278,235</u>
Cukai atas RM250,000 yang pertama		54,975.00
Cukai atas baki RM28,235 @ 28%		<u>7,905.80</u>
Cukai pendapatan kena dibayar ²		<u>62,880.80</u>

² Cukai pendapatan RM62,880.80 yang kena dibayar oleh Hendrik untuk tahun taksiran 2006 yang ditanggung oleh majikannya adalah perkuisit kepada beliau dan akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran 2007.

5.2 Pengiraan perkuisit apabila terdapat taksiran tambahan

Jika wujud cukai tambahan bagi suatu tahun taksiran yang ditanggung oleh majikan, cukai tambahan tersebut hendaklah dianggap sebagai pendapatan pekerja untuk tahun taksiran dalam mana taksiran tambahan dibangkitkan dan ianya tidak akan dikaitkan kembali ke tahun taksiran yang berkenaan.

Contoh 2

Dengan menggunakan fakta dalam Contoh 1, jika -

- 1) majikan mengistiharkan bonus tahun 2005 berjumlah RM40,000 kepada Hendrik dalam tahun 2007;
- 2) cukai tambahan tahun taksiran 2005 ke atas bonus itu ditanggung oleh majikan; dan
- 3) taksiran tambahan ke atas bonus itu dibangkitkan dalam tahun 2007, pengiraan cukai yang ditanggung oleh majikan dan cukai yang kena dibayar oleh Hendrik untuk tahun-tahun taksiran berkenaan dikira seperti berikut:

Tahun taksiran 2005 - taksiran tambahan	RM	RM
Gaji RM20,000 X 10 (1.3.2005 - 31.12.2005)		200,000
Bonus ³		40,000
Jumlah pendapatan		240,000
Tolak:		
Potongan diri - seksyen 46 ACP	8,000	
Potongan isteri - seksyen 47 ACP	3,000	
Potongan anak - seksyen 48 ACP	1,000	12,000
Pendapatan bercukai		<u>228,000</u>
Cukai atas RM150,000 yang pertama		27,975.00
Cukai atas baki RM78,000 yang berikutnya @ 27%		21,060.00
Cukai pendapatan kena dibayar		49,035.00
Tolak: cukai asal - tahun taksiran 2005		<u>38,235.00</u>
Cukai tambahan iaitu cukai atas bonus 2005 ⁴		<u>10,800.00</u>

⁴ Cukai tambahan untuk tahun taksiran 2005 akibat penerimaan bonus RM40,000³ adalah RM10,800. Amaun RM10,800 ini adalah perkuisit kepada Hendrik. Ianya tidak akan dikaitkan kepada tahun taksiran 2006 tetapi akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian beliau di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran dalam mana taksiran tambahan itu dibangkitkan, iaitu tahun taksiran 2007.

Tahun taksiran 2006 - tiada perubahan

Cukai tahun taksiran 2006 Hendrik berjumlah 62,880.80 yang ditanggung oleh majikannya tidak akan dikaji semula dan dikekalkan.

Tahun taksiran 2007	RM
Gaji RM22,000 X 12 (1.1.2007 - 31.12.2007)	264,000
Cukai tahun taksiran 2006 ditanggung majikan	62,881
Cukai tambahan tahun taksiran 2005 ditanggung majikan ⁴	<u>10,800</u>
Jumlah pendapatan	337,681

	RM	RM
<i>Jumlah pendapatan b/h</i>		337,681
<i>Tolak:</i>		
<i>Potongan diri - seksyen 46</i>	8,000	
<i>Potongan isteri - seksyen 47</i>	3,000	
<i>Potongan anak - seksyen 48</i>	<u>1,000</u>	<u>12,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u><u>325,681</u></u>
<i>Cukai atas RM250,000 yang pertama</i>		54,975.00
<i>Cukai atas baki RM75,681 @ 28%</i>		<u>21,190.68</u>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar⁵</i>		<u><u>76,165.68</u></u>

⁵ Cukai yang kena dibayar oleh Hendrik untuk tahun taksiran 2007 berjumlah RM76,165.68 yang ditanggung oleh majikan akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada pengajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran seterusnya, iaitu tahun taksiran 2008.

5.3 Pengiraan perkuisit apabila terdapat taksiran kurangan

Jika bagi suatu tahun taksiran terdapat perubahan yang mengakibatkan taksiran kurangan bagi tahun taksiran tersebut, cukai untuk tahun taksiran tersebut dan tahun-tahun taksiran seterusnya (tidak kira sama ada ia mengakibatkan taksiran tambahan atau kurangan) perlu dikira semula untuk menentukan cukai pendapatan sebenar yang sepatutnya ditanggung oleh majikan.

Contoh 3

Dengan menggunakan Contoh 2, jika Hendrik membuat rayuan ke atas cukai untuk tahun taksiran 2005 dan tahun-tahun taksiran seterusnya berasaskan seksyen 131 ACP kerana beliau terlupa menuntut potongan bagi bayaran premium insurans nyawa di bawah seksyen 49 ACP berjumlah RM6,000 setahun yang telah dilakukannya, cukai untuk tahun-tahun taksiran berkenaan hendaklah dikira semula bagi menentukan cukai pendapatan sebenar yang akan ditanggung oleh majikan.

Cukai pendapatan sebenar yang kena dibayar oleh Hendrik untuk tahun-tahun taksiran berkenaan yang ditanggung oleh majikan dikira seperti berikut:

Tahun taksiran 2005 - taksiran kurangan	RM	RM
<i>Gaji RM20,000 X 10 (1.3.2005 - 31.12.2005)</i>		200,000
<i>Bonus</i>		<u>40,000</u>
<i>Jumlah pendapatan</i>		240,000
<i>Tolak:</i>		
<i>Potongan diri - seksyen 46 ACP</i>	8,000	
<i>Potongan isteri - seksyen 47 ACP</i>	3,000	
<i>Potongan anak - seksyen 48 ACP</i>	1,000	
<i>Potongan premium insurans nyawa - seksyen 49 ACP</i>	<u>6,000</u>	<u>18,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u><u>222,000</u></u>



CUKAI YANG DITANGGUNG OLEH MAJIKAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 2/2006
Tarikh Keluaran: 17 Januari 2006

	RM
Cukai atas RM150,000 yang pertama	27,975.00
Cukai atas baki RM72,000 yang berikutnya @ 27%	<u>19,440.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar ⁶	47,415.00
Tolak: cukai tahun taksiran 2005 - lihat Contoh 2	<u>49,035.00</u>
Cukai dilepaskan akibat tuntutan premium insurans nyawa	<u>1,620.00</u>

⁶ Cukai sebenar untuk tahun taksiran 2005 yang ditanggung oleh majikan selepas mengambil kira potongan premium insurans nyawa yang layak diberikan kepada Hendrik adalah RM47,415.00. Amaun ini adalah perkuisit kepada Hendrik dan hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian beliau di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran 2006. Oleh itu, cukai pendapatan yang kena dibayar oleh Hendrik untuk tahun taksiran 2006 hendaklah dikira semula bagi menentukan cukai pendapatan sebenar yang akan ditanggung oleh majikan untuk tahun taksiran tersebut.

Tahun taksiran 2006 - taksiran tambahan	RM	RM
Gaji RM21,000 X 12 (1.1.2006 - 31.12.2006)		252,000
Cukai tahun taksiran 2005 ditanggung majikan ⁶		<u>47,415</u>
Jumlah pendapatan		299,415
Tolak:		
Potongan diri - seksyen 46	8,000	
Potongan isteri - seksyen 47	3,000	
Potongan anak - seksyen 48	1,000	
Potongan premium insurans nyawa - seksyen 49 ACP	<u>6,000</u>	<u>18,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>281,415</u>

Cukai atas RM250,000 yang pertama	54,975.00
Cukai atas baki RM31,415 @ 28%	<u>8,796.20</u>
Cukai pendapatan kena dibayar ⁷	63,771.20
Tolak: taksiran asal - tahun taksiran 2006 - lihat Contoh 1	<u>62,880.80</u>
Cukai tambahan kena dibayar akibat tuntutan premium insurans nyawa	<u>890.40</u>

⁷ Cukai pendapatan sebenar yang ditanggung oleh majikan untuk taksiran 2006 selepas mengambil kira potongan premium insurans nyawa yang layak dituntut oleh Hendrik adalah RM63,771.20. Amaun ini adalah perkuisit kepada Hendrik dan hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian beliau di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran 2007. Justeru, cukai pendapatan yang kena dibayar untuk tahun taksiran 2007 dikira semula untuk menentukan cukai pendapatan sebenar yang akan ditanggung oleh majikan untuk tahun taksiran tersebut.

Tahun taksiran 2007 - taksiran kurangan	RM	RM
Gaji RM22,000 X 12 (1.1.2007 - 31.12.2007)		264,000
Cukai tahun taksiran 2006 ditanggung majikan ⁷		<u>63,771</u>
Jumlah pendapatan		327,771
Tolak:		
Potongan diri - seksyen 46	8,000	
Potongan isteri - seksyen 47	3,000	



CUKAI YANG DITANGGUNG OLEH MAJIKAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 2/2006
Tarikh Keluaran: 17 Januari 2006

	RM	RM
Potongan anak - seksyen 48	1,000	
Potongan premium insurans nyawa - seksyen 49 ACP	<u>6,000</u>	<u>18,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>309,771</u>
Cukai atas RM250,000 yang pertama		54,975.00
Cukai atas baki RM59,771 @ 28%		<u>16,735.88</u>
Cukai pendapatan kena dibayar		71,710.88
Tolak: cukai asal tahun taksiran 2007 - lihat Contoh 2		<u>76,165.68</u>
Cukai yang dilepaskan akibat tuntutan premium insurans nyawa		<u>4,454.80</u>

5.4 Pengiraan perkuisit dalam kes majikan bersetuju membayar hanya sebahagian daripada tanggungan cukai pekerja

Jika majikan hanya bersetuju membayar sebahagian daripada cukai pekerja untuk suatu tahun taksiran, hanya bahagian cukai yang ditanggung oleh majikan sahaja yang akan dianggap sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP kepada pekerja.

Contoh 4

Miyamoto, seorang warga Jepun, mula bertugas dengan sebuah syarikat Jepun di Malaysia mulai 1.7.2005. Mengikut perjanjian penggajian yang ditandatangani dengan majikannya, adalah dipersetujui bahawa -

- 1) beliau akan bertugas di Malaysia untuk tempoh 2 tahun;
- 2) beliau akan dibayar gaji RM18,000 sebulan;
- 3) majikan akan membayar setengah (1/2) daripada tanggungan cukai pendapatan beliau; dan
- 4) beliau akan diberi kemudahan berikut:
 - telefon - RM600 setahun;
 - kereta dan petrol - RM7,800 setahun;
 - tempat kediaman percuma. Sewa yang dibayar oleh majikan untuk menyediakan kediaman ini adalah RM3,000 sebulan.

Pengiraan cukai yang kena dibayar oleh Miyamoto untuk tahun taksiran 2005 dan 2006 dikira seperti berikut:

	RM	RM
Tahun taksiran 2005		
Perenggan 13(1)(a) ACP		
Gaji RM18,000 X 6 (1.7.2005 - 31.12.2005)		108,000
Perenggan 13(1)(b) ACP		
Telefon	300	
Kereta dan petrol	<u>3,900</u>	4,200
Perenggan 13(1)(c) ACP		
30% X 108,000 = RM32,400		

	RM	RM
<i>Atau</i>		
<i>Nilai tertentu kediaman = RM3,000 X 6 = RM18,000</i>		
<i>Yang mana rendah</i>		<u>18,000</u>
<i>Pendapatan kasar / larasan /berkanun drp penggajian / jumlah pendapatan</i>		130,200
<i>Tolak :</i>		
<i>Potongan diri- seksyen 46 ACP</i>		<u>8,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u>122,200</u>
<i>Cukai atas RM100,000 yang pertama</i>		14,475.00
<i>Cukai atas baki RM22,200 yang berikutnya @ 27%</i>		<u>5,994.00</u>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar⁸</i>		<u>20,469.00</u>

⁸ Oleh kerana majikan hanya bersetuju untuk menanggung sebahagian (1/2 X RM20,469) daripada cukai pendapatan yang kena dibayar oleh Miyamoto, hanya RM10,234.50 adalah perkuisit kepada Miyamoto yang diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian beliau di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran 2006 iaitu tahun taksiran dalam mana cukai pendapatan untuk tahun taksiran 2005 sebenar dapat ditentukan.

Tahun taksiran 2006	RM	RM
Perenggan 13(1)(a) ACP		
<i>Gaji RM18,000 X 12 (1.1.2006 - 31.12.2006)</i>		216,000
<i>Cukai pendapatan untuk tahun taksiran 2005⁸</i>		<u>10,235</u>
		226,235
Perenggan 13(1)(b) ACP		
<i>Telefon</i>	600	
<i>Kereta dan petrol</i>	<u>7,800</u>	8,400
Perenggan 13(1)(c) ACP		
<i>30% X RM226,235 = RM67,871</i>		
<i>Atau</i>		
<i>Nilai tertentu kediaman = RM3,000 X 12 = RM36,000</i>		
<i>Yang mana rendah</i>		<u>36,000</u>
<i>Pendapatan kasar / larasan /berkanun daripada penggajian / jumlah pendapatan</i>		270,635
<i>Tolak:</i>		
<i>Potongan diri - seksyen 46 ACP</i>		<u>8,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u>262,635</u>
<i>Cukai atas RM250,000 yang pertama</i>		54,975.00
<i>Cukai atas baki RM12,635 yang berikutnya @ 28%</i>		<u>3,537.80</u>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar⁹</i>		<u>58,512.80</u>

⁹ Oleh kerana majikan hanya bersetuju untuk menanggung sebahagian (1/2 X RM58,512.80) daripada cukai pendapatan yang kena dibayar oleh Miyamoto untuk tahun taksiran 2006, hanya RM29,256.40 sahaja adalah perkuisit kepada beliau dan amaun ini hendaklah diambil

kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian beliau di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran 2007.

5.5 Pengiraan perkuisit dalam kes pekerja gagal atau tidak mengemukakan Borang Nyata

Apabila seorang pekerja gagal atau tidak mengemukakan Borang Nyata B atau BE dalam masa yang ditetapkan, cukai yang kena dibayar oleh pekerja hendaklah juga mengambil kira penalti yang dikenakan ke atas pekerja di bawah subseksyen 112(3) ACP. Jumlah amaun cukai yang kena dibayar oleh majikan adalah perkuisit kepada pekerja dan adalah sebahagian daripada pendapatan kasar daripada penggajian pekerja tersebut di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.

Contoh 5

Dengan menggunakan Contoh 4, jika Miyamoto lewat mengemukakan Borang Nyata BE Tahun 2005 dalam masa yang ditetapkan dan dia dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP, pengiraan cukai pendapatan Miyamoto untuk tahun-tahun taksiran yang berkenaan yang ditanggung oleh majikan dikira seperti berikut:

Tahun taksiran 2005

Cukai yang kena dibayar oleh Miyamoto hendaklah mengambil kira penalti yang dikenakan ke atasnya di bawah subseksyen 112(3) ACP. Justeru, cukai yang kena dibayar oleh Miyamoto untuk tahun taksiran 2005 adalah RM20,469.00 + penalti RM100 = RM20,569.00. Disebabkan penggajian Miyamoto baru bermula dalam tahun 2005, manfaat cukai yang ditanggung oleh majikan tidak wujud dalam tahun taksiran 2005 tetapi akan wujud dalam tahun taksiran berikutnya iaitu tahun taksiran 2006 apabila cukai sebenar yang kena dibayar untuk tahun taksiran 2005 dapat ditentukan.

Tahun taksiran 2006

Disebabkan majikan hanya bersetuju untuk menanggung sebahagian (1/2 X RM20,569.00) daripada cukai pendapatan yang kena di bayar oleh Miyamoto, amaun perkuisit yang akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian Miyamoto di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran 2006 adalah hanya RM10,284.50 sahaja.

5.6 Pengiraan perkuisit dalam kes “leaver”

5.6.1 Bagi kes pekerja yang telah atau akan meninggalkan Malaysia (*kes leaver*) yang menikmati manfaat cukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP, peruntukan subseksyen 25(5) dan 25(6) ACP hendaklah diguna pakai mengikut keadaan seperti berikut:

i. Pemakaian subseksyen 25(5) ACP

Mengikut peruntukan ini, di mana manfaat cukai boleh diterima untuk suatu tempoh yang terkemudian diterima dalam tempoh yang terdahulu, manfaat cukai tersebut akan dianggap diterima dalam tempoh yang terdahulu itu dan ditaksir sebagai pendapatan daripada penggajian dalam tempoh tersebut.

ii. Pemakaian subseksyen 25(6) ACP

Apabila seorang pekerja -

- meninggalkan Malaysia dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran;
- tidak bermastautin di Malaysia bagi tahun asas yang berikutnya dan tidak pula memperolehi pencen dari Malaysia bagi tahun asas tersebut; dan
- berhenti menerima pendapatan kasar daripada penggajian dari Malaysia pada akhir tempoh cuti berikutan pemergian beliau dari Malaysia,

manfaat cukai bagi tempoh asas berikutan tahun pemergian beliau akan diambil kira sebagai pendapatan bagi tempoh asas dia meninggalkan Malaysia.

Bagi tujuan pemakaian subseksyen di atas, penentuan taraf mastautin individu telah diterangkan dengan terperinci di dalam LAMPIRAN A Ketetapan Umum No. 2/2005: Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar Oleh Individu Bermastautin bertarikh 6 Jun 2005.

- 5.6.2 Bagi kes "*leaver*" di perenggan 5.6.1 di atas, pengiraan cukai dua kali perlu dilakukan dalam tahun akhir pekerja berada di Malaysia untuk menentukan amaun sebenar cukai yang kena dibayar oleh majikan bagi pihak pekerja.

Contoh 6

Sam, yang masih bujang, mula menjalankan penggajiannya di Malaysia pada 1.7.2005. Mengikut perjanjian yang ditandatangani dengan majikannya:

- 1) perkhidmatan beliau di Malaysia adalah untuk tempoh 2 ½ tahun;
- 2) gaji bulanan beliau adalah RM10,000 bagi enam (6) bulan pertama dan selepas itu diberi kenaikan pada kadar RM12,000 setahun sehingga kontrak penggajian tamat pada 31.12.2007; dan
- 3) cukai pendapatan beliau akan ditanggung sepenuhnya oleh majikan.

Sam mula bercuti dengan bergaji penuh pada 1.12.2007 dan dia meninggalkan Malaysia pada 1.12.2007.

Pengiraan cukai yang kena dibayar oleh Sam yang ditanggung oleh majikannya untuk tahun-tahun taksiran berkenaan dikira seperti berikut:

Tahun taksiran 2005	RM
Gaji RM10,000 X 6 (1.7.2005 - 31.12.2005)	60,000
Tolak :	
Potongan diri - seksyen 46 ACP	<u>8,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>52,000</u>

Cukai atas RM50,000 yang pertama	3,475.00
Cukai atas baki RM2,000 yang berikutnya @ 19%	<u>380.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar ¹⁰	<u>3,855.00</u>

¹⁰ Cukai yang dikenakan dibayar oleh Sam untuk tahun taksiran 2005 berjumlah RM3,855.00 yang ditanggung oleh majikan adalah perkuisit kepada beliau dan hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian beliau di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran 2006, iaitu tahun dalam mana cukai sebenar tahun taksiran 2005 dapat ditentukan.

Pengiraan cukai yang kena dibayar oleh Sam untuk tahun taksiran 2006 yang ditanggung oleh majikan dikira seperti berikut:

Tahun taksiran 2006	RM	RM
Gaji RM11,000 X 12 (1.1.2006 - 31.12.2006)		132,000
Cukai tahun taksiran 2005 ditanggung majikan ¹⁰		<u>3,855</u>
Jumlah pendapatan		135,855
Tolak:		
Potongan diri - seksyen 46 ACP		<u>8,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>127,855</u>

Cukai atas RM100,000 yang pertama	14,475.00
Cukai atas baki RM27,855 @ 27%	<u>7,520.85</u>
Cukai pendapatan kena dibayar ¹¹	<u>21,995.85</u>

¹¹ Cukai pendapatan yang dikenakan dibayar untuk tahun taksiran 2006 berjumlah RM21,995.85 yang ditanggung oleh majikan bagi pihak Sam adalah perkuisit kepada beliau dan hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian beliau di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran 2007.

Seterusnya, pengiraan cukai yang kena dibayar oleh Sam untuk tahun taksiran 2007 yang ditanggung oleh majikan dikira seperti berikut setelah mengambil kira perkara tersebut:

- (1) Disebabkan Sam meninggalkan Malaysia pada 1.12.2007, cukai pendapatan tahun taksiran 2007 yang ditanggung oleh majikan (yang sepatutnya adalah pendapatan untuk tahun taksiran 2008) akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran 2007 juga. Ini adalah bersesuaian dengan subseksyen 25(5) ACP yang memperuntukkan, di mana suatu pendapatan penggajian untuk suatu tempoh yang terkemudian diterima dalam tempoh yang terdahulu, pendapatan

penggajian ini akan dianggap diterima dalam tempoh yang terdahulu itu dan ditaksir dalam tempoh tersebut.

- (2) *Bagi tujuan ini, pengiraan cukai dua kali perlu dilakukan untuk menentukan amaun cukai sebenar yang kena dibayar oleh majikan untuk tahun taksiran 2007.*

Tahun taksiran 2007	RM
Pengiraan cukai bagi tujuan pengiraan terakhir	
<i>Gaji RM12,000 X 11 (1.1.2007 - 30.11.2007)</i>	132,000
<i>Gaji cuti RM12,000 (1.12.2007 - 31.12.2007)</i>	12,000
<i>Cukai tahun taksiran 2006 ditanggung majikan ¹¹</i>	<u>21,996</u>
<i>Jumlah pendapatan</i>	165,996
<i>Tolak:</i>	
<i>Potongan diri - seksyen 46 ACP</i>	<u>8,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>	<u>157,996</u>
 <i>Cukai atas RM150,000 yang pertama</i>	 27,975.00
<i>Cukai atas baki RM7,996 @ 27%</i>	<u>2,158.92</u>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar ¹²</i>	<u>30,133.92</u>

Pengiraan terakhir:

<i>Gaji 12,000 X 11 (1.1.2007 - 30.11.2007)</i>	132,000
<i>Gaji cuti RM12,000 X 1 (1.12.2007 - 31.12.2007)</i>	12,000
<i>Cukai tahun taksiran 2006 ditanggung majikan ¹¹</i>	21,996
<i>Cukai tahun taksiran 2007 ditanggung majikan ¹²</i>	<u>30,134</u>
<i>Jumlah pendapatan</i>	196,130
<i>Tolak:</i>	
<i>Potongan diri -seksyen 46 ACP</i>	<u>8,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>	<u>188,130</u>
 <i>Cukai atas RM150,000 yang pertama</i>	 27,975.00
<i>Cukai atas baki RM38,130 @ 27%</i>	<u>10,295.10</u>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar ¹³</i>	<u>38,270.10</u>

¹³ *Cukai sebenar yang kena dibayar oleh Sam untuk tahun taksiran 2007 (iaitu tahun taksiran yang akhir beliau berada di Malaysia) yang ditanggung oleh majikan beliau adalah RM38,270.10.*

Contoh 7

Dengan menggunakan Contoh 6, jika -

- i. kontrak penggajian Sam tamat pada 31.1.2008;*
- ii. Sam meninggalkan Malaysia pada 30.11.2007; dan*
- iii. diberi cuti bergaji penuh dari 1.12.2007 sehingga 31.1.2008 di mana gaji beliau dibayar pada akhir setiap bulan,*

peruntukan subseksyen 25(6) ACP akan diguna pakai memandangkan Sam -

- meninggalkan Malaysia pada 30.11.2007;
- tidak bermastautin di Malaysia bagi tahun asas berikutnya;
- tidak memperolehi pencen dari Malaysia bagi tahun asas berikutnya; dan
- berhenti menerima pendapatan kasar daripada penggajian dari Malaysia pada akhir tempoh cuti berikutan pemergian beliau dari Malaysia.

Ini bermakna, cukai pendapatan yang kena dibayar oleh Sam untuk tahun taksiran 2007 yang ditanggung oleh majikan beliau (yang sepatutnya adalah satu perkuisit yang diambil kira sebagai pendapatan daripada penggajian Sam di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun asas 2008) akan diambil kira sebagai pendapatan bagi tempoh asas beliau meninggalkan Malaysia, iaitu untuk tahun taksiran 2007.

Pengiraan cukai yang dikenakan dibayar oleh Sam untuk tahun-tahun taksiran berkenaan dikira seperti berikut:

Tahun taksiran 2005 & 2006 - seperti diterangkan dalam Contoh 6

Tahun taksiran 2007 - Bermastautin RM

Pengiraan cukai bagi tujuan pengiraan terakhir:

Gaji RM12,000 X 11 (1.1.2007 - 30.11.2007)	132,000
Gaji cuti RM12,000 X 1 (1.12.2007 - 31.12.2007)	12,000
Gaji cuti:	
RM13,000 X 1 (1.1.2008 - 31.1.2008)- subsek 25(6) ACP	13,000
Cukai tahun taksiran 2006 ditanggung majikan ¹²	<u>21,996</u>
Jumlah pendapatan	178,996
Tolak:	
Potongan diri - seksyen 46 ACP	8,000
Pendapatan bercukai	<u>170,996</u>
Cukai atas RM150,000 yang pertama	27,975.00
Cukai atas baki RM20,996 @ 27%	<u>5,668.92</u>
Cukai pendapatan kena dibayar ¹⁴	<u>33,643.92</u>

Pengiraan terakhir: RM

Gaji RM12,000 X 11 (1.1.2007 -31.12.2007)	132,000
Gaji cuti RM12,000 X 1 (1.12.2007 - 31.12.2007)	12,000
Gaji cuti:	
RM13,000 X 1 (1.1.2008 - 31.1.2008)- subsek 25(6) ACP	13,000
Cukai tahun taksiran 2006 ditanggung majikan ¹²	21,996
Cukai tahun taksiran 2007 ditanggung majikan ¹³	<u>33,644</u>
Jumlah pendapatan	212,640



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

CUKAI YANG DITANGGUNG OLEH MAJIKAN

Ketetapan Umum No. 2/2006
Tarikh Keluaran: 17 Januari 2006

	RM
Jumlah pendapatan b/h	212,640
Tolak:	
Potongan diri - seksyen 46 ACP	8,000
Pendapatan bercukai	<u>204,640</u>
Cukai atas RM150,000 yang pertama	27,975.00
Cukai atas baki RM54,640 @ 27%	<u>14,752.80</u>
Cukai pendapatan kena dibayar ¹⁵	<u>42,727.80</u>

¹⁵ Cukai pendapatan yang kena dibayar oleh Sam untuk tahun 2007 (tahun taksiran akhir beliau berada di Malaysia) yang ditanggung oleh majikan beliau adalah RM42,727.80.

Walau bagaimanapun, Sam berhak memilih supaya subseksyen 25(6) ACP tidak diguna pakai ke atas dirinya. Dalam situasi ini, pendapatan Sam ditaksir mengikut kaedah biasa dan pengiraannya adalah seperti berikut:

Tahun taksiran 2005 & 2006 - seperti dalam Contoh 6

Tahun taksiran 2007 - Bermastautin	RM
Gaji RM12,000 X 11 (1.1.2007 -31.12.2007)	132,000
Gaji cuti RM12,000 X 1 (1.12.2007 - 31.12.2007)	12,000
Cukai tahun taksiran 2006 ditanggung majikan ¹²	21,996
Jumlah pendapatan	165,996
Tolak:	
Potongan diri - seksyen 46 ACP	8,000
Pendapatan bercukai	<u>157,996</u>
Cukai atas RM150,000 yang pertama	27,975.00
Cukai atas baki RM7,996 @ 27%	<u>2,158.92</u>
Cukai pendapatan kena dibayar ¹⁶	<u>30,133.92</u>

¹⁶ Cukai yang kena dibayar oleh Sam untuk tahun taksiran 2007 yang ditanggung oleh majikan adalah perkuisit kepada beliau dan hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian beliau di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun taksiran 2008.

Tahun taksiran 2008 : Tidak bermastautin	RM
Pengiraan cukai bagi tujuan pengiraan terakhir:	
Gaji cuti RM13,000 X 1 (1.1.2008 - 31.1.2008)	13,000
Cukai tahun taksiran 2007 ditanggung majikan ¹⁶	<u>30,134</u>
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai	<u>43,134</u>
Cukai pendapatan kena dibayar RM43,134 @ 28% ¹⁷	<u>12,077.52</u>



CUKAI YANG DITANGGUNG OLEH MAJIKAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 2/2006
Tarikh Keluaran: 17 Januari 2006

Pengiraan terakhir:

<i>Gaji cuti RM13,000 X 1 (1.1.2008 - 31.1.2008)</i>	<i>13,000</i>
<i>Cukai tahun taksiran 2007 ditanggung majikan¹⁶</i>	<i>30,134</i>
<i>Cukai tahun taksiran 2008 ditanggung majikan¹⁷</i>	<i><u>12,078</u></i>
<i>Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai</i>	<i><u>55,212</u></i>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar RM55,212 @ 28%¹⁸</i>	<i><u>15,459.36</u></i>

¹⁸ Cukai yang kena dibayar oleh Sam sebagai individu yang tidak bermastautin untuk tahun taksiran 2008 yang ditanggung oleh majikan beliau iaitu untuk tahun akhir beliau berada di Malaysia adalah RM15,459.36.

6. Potongan Cukai Berjadual (PCB)

Di mana seorang pekerja menerima perkuisit daripada penggajiannya, majikan hendaklah memastikan supaya cukai yang dikenakan ke atas perkuisit itu dipotong daripada saraan beliau berdasarkan Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) dalam bulan di mana perkuisit itu dibayar. Di dalam kes di mana gaji pekerja tidak mencukupi untuk menyerap potongan bulanan cukai pendapatan ke atas perkuisit tersebut, majikan hendaklah mendapatkan kebenaran Cawangan Pungutan untuk membenarkan pekerja membayar cukai ke atas perkuisit tersebut secara ansuran berdasarkan Arahan Potongan Cukai (CP38).

7. Ketetapan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2005 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.

**Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri**